

Efikasi Kendiri Menjahit Pelajar Bidang Fesyen

Nur Hayati Khalid, Rosini Abu & Ramlah Hamzah

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kertas ini membincangkan efikasi kendiri menjahit pelajar bidang fesyen di Malaysia, teori-teori yang berkaitan dan sumber-sumber utama yang mempengaruhi efikasi kendiri. Efikasi kendiri merupakan domain afektif serta elemen penting dalam Teori Kognitif Sosial. Kajian efikasi kendiri semakin penting dalam dunia pendidikan kerana ia menyediakan asas kepada motivasi dan pencapaian manusia. Sumber-sumber efikasi kendiri perlu didedahkan kepada pelajar bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi bidang kemahiran seperti bidang fesyen. Sumber dan maklumat efikasi kendiri boleh diperolehi, dipelajari dan dikembangkan dari empat sumber maklumat iaitu “Enactive mastery” (Pencapaian prestasi), “Vicarious experience” (pengalaman orang lain), “Verbal persuasion” (pujukan lisan) dan “Physiological and emotional states” (keadaan fisiologi dan emosi).

Kata kunci: efikasi kendiri menjahit, pelajar bidang fesyen, sumber efikasi kendiri, teori kognitif sosial

Pengenalan

Meningkatkan enrolmen murid Aliran Vokasional dan Aliran Kemahiran sebanyak 100 peratus menjelang tahun 2015 merupakan salah satu *Ministry Key Result Areas* (MKRSAs) bagi Kementerian Pelajaran Malaysia. Tambahan pula, langkah kerajaan mengarusperdana pendidikan vokasional turut terkandung dalam Bab 5, Rancangan Malaysia Kesepuluh. Hal ini memberi gambaran bahawa pendidikan vokasional dan kemahiran adalah penting dalam usaha melahirkan pelajar berevaluasi dalam bidang kemahiran. Langkah ini seiring dengan aspirasi kerajaan iaitu untuk melahirkan modal insan yang seimbang dari aspek kognitif dan non-kognitif (RMK-10, 2010) agar mampu memenuhi keperluan industri semasa.

Efikasi kendiri adalah salah satu konstruk non-kognitif daripada domain afektif. Ia boleh juga ditakrifkan sebagai keupayaan, kemampuan dan kebolehan sendiri dan dijangkakan dapat meningkatkan evaluasi dan kompetensi pelajar dalam pelbagai bidang. Efikasi kendiri bukanlah satu termenologi yang asing bagi penyelidik-penyelidik di luar negara namun masih dianggap isu baharu di dunia pendidikan kita (Masitah et al, 2011). Bukan sahaja pelajar bahkan ada segelintir tenaga pengajar yang masih kurang mengerti dengan istilah ini. Walaupun ada kajian yang dijalankan melibatkan guru dan pelajar, namun masih kurang kajian yang melibatkan bidang kemahiran seperti bidang fesyen dan jahitan. Keupayaan individu dilihat dalam konteks afektif kerana segala keputusan ujian dan amali adalah hasil interaksi sasaran afektif proses kognitif dan psikomotor. Secara ringkasnya, sasaran afektif memotivasikan, mengorganisasikan dan memandu pelajar dalam membuat persepsi, berfikir dan bertindak.

Kemahiran menjahit merupakan satu elemen yang penting dalam bidang fesyen dan jahitan pakaian. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, menjahit telah diperkenalkan kepada pelajar di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah sehingga ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Justeru, bidang fesyen bukanlah asing lagi dalam sistem pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) di Malaysia. Terdapat banyak pusat pengajian yang menawarkan bidang ini di bawah pelbagai kementerian seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) serta institusi swasta seperti Sekolah Menengah, Kolej Vokasional (sebelum ini Sekolah Menengah Teknik atau Vokasional), Universiti Teknologi Mara, Giat Mara, Institut Kemahiran Belia Negara dan sebagainya. Bidang ini memberi pendedahan kepada murid tentang proses menjahit pakaian serta mewujudkan murid yang kompetensi, berkemahiran dalam bidang membuat pakaian serta peka kepada perkembangan fesyen (KPM, 2006).

Menurut Kristen Zulkosky (2009) efikasi kendiri mempengaruhi bagaimana orang berfikir, merasa, mendorong diri mereka sendiri dan bertindak. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa efikasi kendiri amat penting dalam bidang akademik, terapi, sukan dan sebagainya. Bandura (1997) menyatakan bahawa “individu yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi akan menerima tugas yang sukar sebagai satu cabaran untuk dikuasai, bukannya sebagai ancaman yang perlu dielakkan”. Ini adalah kerana konstruk konsep efikasi kendiri positif merangkumi



perkara-perkara seperti keyakinan terhadap kebolehan dan keupayaan diri sendiri, keazaman yang tinggi, keupayaan berdikari dan sentiasa berfikiran positif. Efikasi sendiri positif berkait rapat dengan pencapaian pengajian yang cemerlang dan kejayaan bergraduat (Farrington et al. 2012; Sedlacek 2004). Pelajar yang cemerlang mempunyai sifat sendiri positif merangkumi aspek keyakinan yang tinggi, kekuatan diri, keazaman dan kebolehan berdikari (Sedlacek 2004). Dapatan kajian oleh Farrington et al. (2012) serta Yen et al. (2004) pula menyatakan bahawa kecemerlangan dalam bidang tertentu memerlukan keazaman atau keupayaan yang tinggi serta pemikiran yang positif. Aspek non-kognitif seperti efikasi sendiri didapati dapat menyumbang kepada pencapaian akademik yang cemerlang (Farrington et al. 2012) dan seterusnya mempengaruhi daya kebolehpasaran dalam dunia pekerjaan (Brooks 2011).

Efikasi sendiri menjahit

Wright, Jenkins-guarnieri, & Murdock (2012) menyatakan efikasi sendiri sebagai kepercayaan individu mengenai keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas yang diberikan dan kemahiran seseorang untuk berjaya melaksanakan tugas. Menurut Bandura (1986), efikasi sendiri adalah "*people's judgments of their capabilities to organize and execute courses of action required to attain designated types of performances*" yang bermaksud keyakinan dan kepercayaan individu mengenai keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Baron dan Byrne (1997) pula mendefinisikan efikasi sendiri sebagai evaluasi seseorang mengenai kemampuan atau kompetensi diri dalam melakukan tugas, mencapai tujuan, atau mengatasi sesuatu masalah.

Dalam industri tekstil, menjahit didefinisikan sebagai mencantum dua atau lebih kepingan fabrik atau kain dengan menggunakan jarum dan benang. Dua atau lebih kepingan kain dibentangkan dan dijahit lurus sampai ke hujung, dengan elau jahitan tertentu. Dalam pengertian ini, menjahit adalah operasi jahitan fabrik rata untuk membentuk pakaian 3D (MA,L, 2005). Proses menjahit memerlukan aspek kognitif, afektif dan psikomotor kerana ia melibatkan pengetahuan, keupayaan atau efikasi sendiri dan kemahiran.

Efikasi sendiri menjahit adalah istilah yang digabungkan dari dua frasa iaitu efikasi sendiri dan menjahit. Oleh itu, efikasi sendiri menjahit adalah keupayaan atau kemampuan atau keyakinan untuk melaksanakan tugas berkaitan dengan menjahit pakaian. Contohnya, dari segi pengetahuan dan kemahiran mengendalikan bahan dan alatan menjahit serta menyelesaikan tugas-tugas jahitan dengan baik sehingga terhasilnya pakaian yang lengkap.

Teori Berkaitan Efikasi Kendiri Menjahit

Teori Taxonomy Bloom

Terdapat tiga domain asas dalam teori Taxonomy Bloom iaitu domain kognitif, afektif dan psikomotor. Bidang fesyen dan jahitan merupakan bidang yang dapat menghasilkan pendidikan menyeluruh meliputi domain kognitif, afektif dan psikomotor, tetapi ianya akan tercapai melalui satu pendekatan pelaksanaan yang mantap. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bidang ini, ketiga-tiga domain ini sangat penting untuk menghasilkan pelajar fesyen yang kompeten dan berkualiti.

Efikasi sendiri adalah domain afektif di mana ia memberi tumpuan kepada unsur-unsur kesedaran, sensitiviti, sikap, pertimbangan, emosi, pendirian dan sebagainya (Bloom,1984). Dalam keupayaan atau efikasi sendiri menjahit juga berkait rapat dalam unsur-unsur ini. Domain afektif juga berkaitan dengan kesedaran diri, perasaan, minat, sikap dan usaha pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran menjahit. Di antara contoh aktiviti menjahit yang melibatkan domain afektif adalah seperti pelajar memberi tumpuan dan respon terhadap arahan guru serta berupaya menyelesaikan tugas. Justeru, domain afektif dalam pembelajaran jahitan adalah berkaitan dengan peningkatan usaha dan sikap pelajar terhadap jahitan.

Domain psikomotor melibatkan kecekapan fizikal dan begitu penting dalam pengajaran pembelajaran jahitan. Domain psikomotor ini melibatkan pergerakan fizikal anggota badan seperti mata, tangan, kaki dan postur badan. Sebagai contoh, postur badan ketika menjahit dan gerakan tangan dan kaki serta tumpuan mata ketika menggunakan alat seperti jarum dan mesin jahit. Masro, N. B. (2003) membuktikan kemahiran psikomotor sebenarnya memandu pelajar untuk membuat keputusan yang tepat dalam masa yang singkat. Ianya bukan sahaja melibatkan



daya tahan otot-otot tersebut semasa melakukan aktiviti-aktiviti kemahiran tetapi turut menguji sejauh mana minda pelajar mampu mengawal otot-otot pergerakan untuk mengendalikannya dan bahan kepada peringkat yang dikehendaki.

Teori Kognitif Sosial Bandura (1986)

Teori Kognitif Sosial oleh Bandura (1986) menegaskan bahawa cara manusia berfungsi dalam kehidupan dipengaruhi oleh faktor personal, tingkahlaku individu dan pengaruh persekitaran yang membentuk interaksi sesama manusia. Aspek Kognitif berperanan penting untuk menentukan efikasi sendiri, aturan sendiri, informasi dan membentuk tingkahlaku individu (Pajeras, 1997).

Banyak kajian lepas yang berkaitan dengan efikasi sendiri menunjukkan bahawa faktor peribadi dalaman dan tingkah laku memberi kesan kepada prestasi pelajar. Efikasi sendiri merupakan kepercayaan kecekapan peribadi dan mempengaruhi tingkah laku seseorang dalam pelbagai bentuk. Bandura (1977) membuktikan bahawa efikasi sendiri memberi kesan kepada pilihan membuat keputusan, cara tindakan usaha serta ketabahan melaksanakan tugas. Ini memberi gambaran seorang pelajar fesyen atau tukang jahit yang berjaya perlu mempunyai tahap efikasi sendiri menjahit yang baik untuk melaksanakan tugas jahitan mereka kerana ia mempengaruhi tindakan mereka.

Pelajar cenderung untuk memilih aktiviti-aktiviti yang mereka berasa diri mereka berkebolehan dan mengelakkan aktiviti yang mereka rasa tiada bakat dan keyakinan. Efikasi sendiri membantu individu untuk membuat keputusan meningkatkan usaha mereka untuk menyelesaikan tugas, berapa lama mereka akan berterusan menyelesaikan masalah, berdaya tahan dan bagaimana mereka akan muncul dalam situasi yang memudaratkan terutamanya dalam tugas menjahit. Semakin kuat dan positif efikasi sendiri mereka, lebih besar usaha, ketabahan dan keanjalan. Selain daripada mempengaruhi tingkah laku manusia, kepercayaan dan efikasi sendiri juga mempengaruhi pemikiran dan perasaan individu. Individu yang mempunyai efikasi sendiri yang lemah dan negatif lebih cenderung untuk berfikir bahawa tugas seolah-olah lebih sukar daripada keadaan sebenarnya. Ini merupakan situasi yang berbahaya kerana pemikiran ini adalah tempat pembiakan untuk perasaan kegagalan dan kemurungan, ketegangan dan tidak berdaya (Bandura, 1986).


Teori Efikasi Kendiri Albert Bandura (1997)

Teori Efikasi Kendiri Albert Bandura (1997) merujuk kepada kepercayaan individu mengenai keupayaan mereka untuk melaksanakan tugas yang diberikan dan kemahiran seseorang untuk berjaya melaksanakan tugas (Wright, Jenkins-guarnieri, & Murdock, 2012). Bandura mengatakan bahawa efikasi seseorang dipengaruhi oleh pencapaian prestasi, pengalaman orang lain, pujukan lisan dan keadaan emosional. Keempat-empat faktor di atas disokong oleh pendapat Ivancevich dan Matteson (Damayanti, 2007) yang menyatakan bahawa pencapaian prestasi, pengalaman orang lain, pujukan lisan, keadaan emosional memainkan peranan penting di dalam membangunkan efikasi sendiri.

Sumber Efikasi Kendiri Menjahit

Albert Bandura sebagaimana yang diuraikan oleh Robbins dan Judges (2011) menyatakan empat sumber utama yang diuraikan untuk meningkatkan efikasi sendiri iaitu *enactive mastery*, *vicarious modeling*, *verbal persuasion*, *physiological state and emotional arousal* (Eko Hariyanto & Bawono, 2011). Kerangka konsep yang diadaptasikan dari Teori Efikasi Kendiri Bandura (1997) seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.





Rajah 1: Sumber maklumat efikasi sendiri yang diadaptasi dari Teori Efikasi Kendiri Bandura (1997)

Enactive mastery (Pencapaian prestasi)

Faktor ini berdasarkan oleh pengalaman-pengalaman yang dialami individu secara langsung. Apabila seseorang pernah mengalami kejayaan di masa lalu, maka dapat meningkatkan efikasi dirinya. Contohnya, jika seseorang pelajar fesyen pernah mengikuti kursus secara rasmi atau tidak rasmi seperti kursus-kursus pendek jahitan, mengikuti kelas atau bengkel sebelumnya serta mempunyai prestasi dan menguasai isi kandungan kursus tersebut, mereka akan lebih berefikasi untuk melaksanakan tugas jahitan. Kenyataan ini disokong oleh Ceren.T (2005), efikasi sendiri individu itu akan lebih meningkat jika dia bekerja mengikut bidang dan boleh menguasai tugas tersebut. Keberhasilan yang diperolehi akan membawa seseorang pada tingkat efikasi-kendiri yang lebih tinggi, sedang kegagalan akan merendahkan efikasi sendiri. Pengalaman kejayaan seseorang akan meningkatkan efikasi sendiri dan minat pada tugas tetapi kegagalan tugas akan menjadi sebaliknya. Kajian yang dijalankan oleh Teng Lung Kiu (2006), membuktikan bahawa tahap efikasi-kendiri guru meramalkan fenomena “burnout guru” iaitu antara punca guru bersara awal. Oleh itu, tidak mustahil juga tahap efikasi menjahit akan meramalkan “burnout pelajar fesyen” sehingga menyebabkan mereka berhenti atau bertukar bidang.

Vicarious experience (Pengalaman orang lain)

Individu yang melihat orang lain berjaya dalam melakukan aktiviti-aktiviti yang sama dan mempunyai keupayaan yang setanding dapat meningkatkan efikasi dirinya. Individu yang pada awalnya mempunyai efikasi diri yang rendah akan sedikit berusaha untuk dapat mencapai kejayaan seperti yang diperolehi orang lain. Contohnya, pelajar fesyen akan lebih terdorong dan bermotivasi menjahit sekiranya melihat pengalaman *role model* mereka seperti pereka fesyen, guru, ibu bapa, rakan-rakan berjaya dalam bidang yang sama. Individu yang melihat atau mengamati orang lain yang mencapai keberhasilan dapat menimbulkan persepsi efikasi sendiri. Justeru, dengan melihat keberhasilan atau kejayaan orang lain menjahit, pelajar dapat menyakinkan dirinya bahwa ia juga berupaya untuk mencapai hal yang sama dengan orang yang diamatinya.

Verbal persuasion (Pujukan lisan)

Individu diarahkan dengan saranan, dorongan, nasihat dan bimbingan sehingga dapat meningkatkan keyakinan bahawa kemampuan-kemampuan yang dimiliki dapat membantu untuk mencapai apa yang diinginkan. Menurut Bandura (1986) individu yang diarahkan dengan saran, nasihat dan bimbingan dapat meningkatkan prestasi tentang kemampuan-kemampuan yang dimilikinya sehingga individu tersebut mencapai tujuan yang diinginkan. Contohnya, motivasi dari *role model* mereka sendiri seperti pereka fesyen, guru, ibu bapa, rakan-rakan berjaya dalam bidang yang sama akan meningkatkan efikasi menjahit mereka. Kepuasan pelajar terhadap sesuatu bidang atau program pengajaran merupakan faktor dalaman yang dapat meningkatkan minat dan motivasi untuk terus kekal dalam pengajian. Park & Choi (2008) seterusnya berupaya melaksanakan tugas dengan jayanya.

Physiological and Emotional States (Keadaan fisiologi dan emosional)

Individu akan lebih berfikasi untuk jika mereka mempunyai kesihatan dan emosi yang baik. Mereka akan lebih berjaya menyelesaikan tugas jika tidak terlalu sering mengalami keadaan yang menekan kerana ia dapat menurunkan prestasinya dan menurunkan keyakinan akan keupayaan dirinya. Contohnya, pelajar fesyen yang sihat dari segi emosi dan fizikal dan kurang tekanan dengan masalah-masalah personal dan intrapersonal akan lebih fokus kepada tugas dan berfikasi menyelesaikan tugas menjahit dengan baik. Justeru, sekiranya mereka sakit dan tidak sihat mereka akan selalu ponteng dan ketinggalan dalam pelajaran.

Kesimpulan

Menyedari hakikat besarnya harapan negara untuk melahirkan generasi berkemampuan aras tinggi dan menepati keperluan industri, maka ini menuntut efikasi-kendiri pelajar yang tinggi bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki dapat diaplikasi dengan berkesan. Malah dalam melahirkan pelajar yang berkualiti, berevaluasi dan mempunyai efikasi sendiri yang tinggi, pertimbangan terhadap sumber-sumber dan faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi sendiri perlu dikaji dengan lebih meluas. Kajian ini diharapkan dapat membantu meningkatkan kualiti program pendidikan kemahiran pelajar bidang fesyen serta membantu pihak sekolah dan institusi mencapai visi dan misi digariskan oleh pihak kementerian. Keperluan untuk pelajar mengetahui sumber-sumber yang mempengaruhi efikasi menjahit penting khususnya kepada pelajar bidang fesyen kerana mereka adalah bakal tenaga kerja pada masa hadapan dan bakal bersaing dalam industri semasa khususnya industri fesyen yang sentiasa mengalami perubahan. Dengan pengetahuan yang dimiliki ini, diharapkan agar golongan ini dapat meningkatkan keupayaan atau efikasi sendiri menjahit dan menjadi pekerja mahir yang cekap dan berkeupayaan dalam industri fesyen. Diharapkan kajian ini dapat mengembangkan ilmu pengetahuan serta teori yang sedia ada dan dapat menyumbang kepada ilmu pengetahuan baharu khususnya dalam bidang penyelidikan pendidikan teknik dan vokasional.

RUJUKAN

Anderson, L. W. and David R. Krathwohl, D. R., et al (Eds.) (2001). *A Taxonomy for Learning, Teaching, and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Educational Objectives*. Allyn & Bacon. Boston, MA (Pearson Education Group)

Bandura, A. (1977). Self-efficacy : Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191-215.

Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action*. Englewood Cliffs. New Jersey: Prentice Hall.

Bandura, A. (1997). *Social foundation of thought and action: A social cognitive theory*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Banu Hatice Gurcum. (2010). Determinining The Level Of Success By Multiple Intelligent Theory For Fashion Design. *e_Journal of New World Science Academy*, 5(November 2009).

Billett, S. (2007). From Your Business to our business : industry and vocational education in Australia. *Oxford Review Of Education*, 30(October 2012), 37-41.

Bloom, B. S. (1984). *Taxonomy of educational objective book 1: Cognitive domain* (2nd ed.). New York: Addison Wesley Publishing Company.



- Brooks, R.C. 2011. Are schools the great (noncognitive skills) equalizer? Disertasi Ph.D. The Ohio State University.
- Ceren, T. (2005). Self efficacy, attitude and Science knowledge. Retrieved 6 2010, 13, from Academic Exchange Quarterly: <http://www.thefreelibrary.com/Selfefficacy,+attitude+and+science+k>.
- Dale, G. J. (2010). Predicting learner performance in the clothing industry.
- Eko Hariyanto, R. P., & Bawono, dan I. R. (2011). Desain Pelatihan, Dukungan Organisasional, Dukungan Supervisor Dan Self Efficacy. *SIASAT BISNIS*, 15, 213–227.
- Farrington, C.A., Roderick, M., Allensworth, E., Nagaoka, J., Keyes, T.S., Johnson, D.W. & Beechum,
- N.O. (2012). Teaching adolescents to become learners. The role of noncognitive factors in shaping school performance: A critical literature review. Chicago: University of Chicago Consortium on Chicago School Research.
- Firmansyah, D. (2009). *Hubungan antara Self Efficacy Dengan Kegigihan Kerja Pada Guru*. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
- Hadjam, M. N. R., Widhiarso, W., Psikologi, F., & Mada, U. G. (2011). Efikasi mengajar sebagai mediator peranan faktor kepribadian terhadap performasi mengajar guru. *Humanitas*, viii. Malaysia. 2010. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Bab 5-Membangun dan Mengembangkan Modal Insan Bertaraf Dunia.
- MA, L. (2005). *Virtual garment sewing*. The Hong Kong Polytechnic University.
- Masro, N. B. (2003). *Kualiti Pengalaman Pembelajaran Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Di Kolej Universiti Tun Hussein Onn (KUiTTHO) Dari Aspek Pembelajaran Kognitif, Psikomotor Dan Afektif*. Universiti Tun Hussein Onn.
- Masitah Hj.Mohd Yusof, Azizi Muda, Ahmad Makmom, Bahaman Abu Samah, Ramli Basri, Noriati A. Rashid & Mohamamed Khaidir Alias. (2011). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Efikasi-Kendiri Guru Sekolah Menengah di Malaysia Dalam Perlaksanaan Pendidikan Alam Sekitar*. *Malaysian Journal Of Environmental Management* 12(2)(2011):91-11.
- Pajeras, F. (1997). Current direction in self-efficacy research. Maehr, m. & Pitrich, P.R. (Eds.). *Advances in motivation and achievement*. Greenwich, CT: JAI Press. 10: 1-49.
- Park, J.H., & Choi, H.J. (2009). Factors Influencing Adult Learners' Decision to Drop Out or Persist in Online Learning. *Educational Technology & Society*, 12 (4), 207-217.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2006). *Huraian sukatan pelajaran Membuat Pakaian*. Kuala Lumpur Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Teng, L. K. (2006). Pengaruh Faktor Terpilih Terhadap Efikasi-Kendiri Guru Sekolah Menengah Di Negeri Sarawak. Tesis Ph.D. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Widowati, I., Agribisnis, P. S., & Pertanian, F. (2012). Peran Perempuan Dalam Mengembangkan Entrepreneur/Wirausaha Kasus di KUB Maju Makmur Kec. Kejajar Kab. Wonosobo (pp. 1–9).
- Wright, S. L., Jenkins-guarnieri, M. A., & Murdock, J. L. (2012). College Students : *Journal Of Career Development*. doi:10.1177/0894845312455509.
- Yen, C., Konold, T.R. & McDermott, P.A. 2004. Does learning behaviour augument cognitive ability as an indicator of academic achievement? *Journal of School Psychology* 42: 157–69.

